

IPEF 2023 platform menggarap strategi mengharungi dinamika dunia pekerjaan

# Wadah tangani isu pasaran buruh

**PETALING JAYA** – International Public Employment Forum (IPEF 2023) bakal menjadi wadah terbaik untuk menggarap strategi mengharungi dinamika dunia pekerjaan, seiring perubahan landskap pasaran buruh yang mengalami siri kejutan ketara sejak tiga tahun lalu.

Penganjuran forum pada 11 hingga 13 Oktober depan di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) itu menampilkan lebih 28 ahli panel pakar dalam bidang masing-masing untuk berkongsi pelbagai matlamat pasaran buruh yang akhirnya memberi laba kepada majikan.

Intipati perkongsian meliputi aspek pemeraksanaan tenaga buruh, Pendidikan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET), sosial dan urus-tadbir pekerjaan.

Menteri Sumber Manusia, V. Sivakumar berkata, maklumat sebegini mampu menyuntik perubahan positif terhadap rangkaian aspek pengurusan sumber manusia, sekali gus melonjak tahap produktiviti pekerja dan unjuran prestasi syarikat, selain mewujudkan tenaga buruh yang utuh.

“Anjakan perubahan ini amat bertepatan pada masanya, dengan mengambil kira kesan kejutan ketara berikutan pandemik Covid-19 yang menyaksikan amalan pengurusan sumber manusia terdahulu telah bertukar jumud.

“Demi memastikan dasar semasa mencakupi pengurusan sumber manusia; faktor pena-

MINISTRY OF HUMAN RESOURCES PERKESO

## INTERNATIONAL PUBLIC EMPLOYMENT FORUM

# IPEEF 2023

BUILDING A RESILIENT WORKFORCE: THE MADANI APPROACH

**11 - 13**  
OCTOBER  
2023

**KUALA LUMPUR CONVENTION CENTRE (KLCC)**

Register at  
[ipef2023.perkeso.gov.my](https://ipef2023.perkeso.gov.my)

@perkeso.official | #ipef2023



**V. SIVAKUMAR**

akan menjadi panduan terbaik dalam merungkai kejutan pasaran buruh,” katanya dalam s kenyataan.

IPEF 2023 akan diserikan ngan kehadiran Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli; Penasihat Penyelidikan Institut Penyelidikan Khazanah, Prof. Dr. Jomo Kwa Sundaram dan legenda boling gara, Datuk Shalin Zulkifli.

Pelbagai pakar pengurusan daripada AirAsia, Shell, Pos Malaysia dan LinkedIn juga akan memberikan input mer berkaitan pasaran buruh yang transformatif.

Yuran penyertaan IPEF 2023 dalam kalangan sektor swasta boleh dituntut semula daripada Tabung Pembangunan Sumber Manusia (HRDF) menerusi Skema Bantuan Latihan (SBL).

Pendaftaran boleh dibuat pautan [ipef2023.perkeso.gov.my](https://ipef2023.perkeso.gov.my) dan bagi sebarang pertanyaan boleh hubungi Pertubuhan keselamatan Sosial (PERKESO) talian **1-300-22-8000**.

waran dan permintaan pasaran buruh; serta corak pengoperasian pekerja kekal relevan, pelbagai entiti gergasi di pentas global

telah merencana hala tuju yang baharu.

“Perincian amalan terbaik diterapkan Bank Dunia, Persatuan

Keselamatan Sosial Antarabangsa (ISSA), selain pakar dari pelbagai negara luar antaranya Jepun, Norway, Belgium dan Jerman

TARIKH: 20/9/23.  
SURAT KHABAR: KOSMO  
MUKA SURAT: 7